

Rujukan Kami : USM.JB.HB.G.5/2023
Tarikh : 6 Julai 2023

Universiti Sains Malaysia
11800 USM Pulau Pinang
T: 04-653 3131 / 04-653 4288
F: 04-658 8205
E: bursar@usm.my
L: bursary.usm.my / www.usm.my

Pengarah Kampus/ Dekan/ Pengarah/
Penyelaras/ Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/ Pusat/ Unit/ Jabatan
Kampus Induk/ Kesihatan/ Kejuruteraan
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

HEBAHAN BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2023 PENGESAHAN MAJIKAN BERKAITAN EMOLUMEN STAF

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Pengesahan majikan berkaitan emolumen staf merupakan perkara penting yang diperlukan oleh institusi kewangan atau badan tertentu untuk mengetahui jumlah pendapatan kasar dan pendapatan bersih seseorang individu. Perkara ini merupakan asas pertimbangan untuk memastikan kelayakan kredit seseorang individu sebelum diluluskan pinjaman oleh institusi kewangan atau badan tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Bendahari bertindak sebagai majikan dalam pemberian pengesahan berkaitan emolumen bagi memastikan staf USM tidak berada dalam keterhutangan kewangan yang serius. Ini juga dapat melancarkan potongan gaji bulanan bagi tuntutan daripada institusi kewangan atau badan berkaitan.

4. **Jabatan Bendahari juga mengambil serius berkaitan pemalsuan tandatangan pegawai yang diberi kuasa oleh Jabatan Bendahari bagi melaksanakan pengesahan majikan serta pemalsuan penyata gaji oleh pihak tertentu untuk mendapatkan pinjaman.**

5. Oleh yang demikian, ingin ditekankan sekali lagi bahawa pengesahan majikan berkaitan emolumen staf **HANYA BOLEH DIKELUARKAN OLEH JABATAN BENDAHARI SAHAJA.** Jabatan Bendahari tidak akan bertanggungjawab ke atas pemalsuan maklumat dan boleh menolak tuntutan daripada institusi kewangan atau badan berkaitan. Staf adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat bayaran kepada pihak berkaitan. Tindakan tatatertib juga boleh diambil sekiranya staf terlibat secara langsung dalam pemalsuan tandatangan atau penyata gaji.


6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, memanjangkan hebahan ini kepada semua staf di bawah seliaan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAFIZAL ABD RAHIM)
Bendahari

RAF/MB/hm



**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2023
PENGESAHAN MAJIKAN BERKAITAN EMOLUMEN STAF**

s. k. Naib Canselor